



Rancangan Pengajaran Harian Pendidikan Islam Tahun 5

1.	Mata Pelajaran	Pendidikan Islam (Ibadah)
2.	Kelas	5 Biruni
3.	Bilangan Murid	31 Orang (Lelaki: 18, Perempuan: 13)
4.	Tarikh/Hari	10 Ogos 2022/12 Muharram 1444H/Rabu
5.	Masa	(10.45-11.45 pagi) 60 Minit
6.	Tajuk	Dua Hari Raya Yang Mulia
7.	Pengetahuan Sedia Ada	Murid-murid pernah melihat ibu bapa mereka solat dan mengetahui pergerakan dalam solat
8.	Standard Kandungan	4.4 Merumus konsep solat sunat dua hari raya dan mengamalkan serta menghayatinya secara beradab dan istiqamah
9.	Standard Pembelajaran	4.4.1 Menyatakan maksud solat sunat dua hari raya dan hukumnya berdasarkan dalil naqli 4.4.2 Menjelaskan kaifiat solat sunat dua hari raya 4.4.3 Menganalisis amalan sunat sebelum dan selepas solat dua hari raya
10.	Objektif Pembelajaran	Selepas proses pembelajaran, murid dapat: - Menyatakan maksud solat sunat dua hari raya dan hukumnya dengan tepat - Menjelaskan kaedah solat sunat dua hari raya dilakukan dengan tertib - Mengenal pasti 3 amalan sunat sebelum dan selepas solat sunat dua hari raya dengan betul
11.	Kemahiran Berfikir	Mengenal pasti amalan-amalan sunat sebelum dan selepas solat sunat dua hari raya
12.	Penggabungjalinan	Al-Quran dan Akhlak
13.	Penyerapan	Sains
14.	Penerapan Nilai	Menumpukan perhatian, yakin, khusyuk, keberanian, semangat, kerjasama, berusaha
15.	Elemen Merentas Kurikulum (E.M.K)	Bahasa: Penggunaan bahasa pengantar yang mudah Keusahawanan: Murid mempunyai kerjasama dalam aktiviti pembelajaran
16.	Pentaksiran Bilik Darjah (P.B.D)	Lisan: Soal jawab Pemerhatian: Aktiviti "Cari dan Padan"

17.	Sumber/Bahan Bantu Mengajar	Projektor, video, slaid <i>powerpoint</i> , <i>jamboard</i> , poster, kad imbasan, kad manila
-----	------------------------------------	---

Langkah/Masa	Isi Pelajaran	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Catatan
Pendahuluan (5 minit)	<u>Membaca doa belajar</u> بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ "اللَّهُمَّ افْتَحْ عَلَيْنَا حِكْمَتَكَ وَانْشُرْ عَلَيْنَا مِنْ خَزَائِنِ رَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ"	- Murid diminta untuk membaca doa bersama-sama serta mengaminkan bacaan doa tersebut - Guru membaca doa bersama murid - Murid-murid diminta untuk memastikan kelas berada dalam keadaan bersih	<u>Penerapan nilai:</u> - Yakin - Khusyuk
Set Induksi (5 minit)	<u>Tayangan video takbir raya</u> https://www.youtube.com/watch?v=IXikddY178w  Soalan: - Pernahkah anda mendengar takbir ini? - Masa bilakah anda mendengar takbir ini? Andaian Jawapan: - Pernah - Hari raya	- Murid-murid ditayangkan video mengenai takbir raya - Guru mengajukan beberapa soalan kepada murid-murid berdasarkan video yang ditayangkan - Guru menghubungkan video dengan tajuk yang akan dipelajari - Murid-murid bekerjasama dengan guru	<u>Kaedah:</u> - Soal jawab <u>E.M.K:</u> - Bahasa <u>Bahan Bantu</u> <u>Mengajar:</u> - Projektor - Video <u>Penerapan Nilai:</u> - Yakin - Keberanian - Menumpukan perhatian

Langkah 1 (15 minit)	• <u>Slaid powerpoint</u>  • <u>Latihan Jamboard</u> 	• Guru memaparkan slaid penerangan mengenai pengertian, hukum dan dalil solat sunat dua hari raya • Murid-murid diminta untuk memberikan perhatian terhadap penerangan yang diberikan • Murid-murid diminta untuk membaca pengertian secara berulang kali • Beberapa orang wakil murid diminta untuk datang ke hadapan untuk membuat tugas di <i>Jamboard</i> • Murid-murid berbincang bersama guru	<u>Kaedah:</u> - Penerangan <u>Penerapan Nilai:</u> - Menumpukan perhatian - Semangat - Keberanian <u>Bahan Bantu Mengajar:</u> - Projektor - Slaid <i>powerpoint</i> - <i>Jamboard</i> <u>E.M.K:</u> - Bahasa
---------------------------------	--	---	--

Langkah 2 (15 minit)	Poster kaifiat solat dua hari raya 	- Guru menayangkan poster mengenai kaifiat solat sunat dua hari raya - Murid-murid memberi perhatian terhadap penerangan yang diberikan oleh guru - Dua orang murid dipanggil ke hadapan kelas untuk membuat demonstrasi sambil dipantau oleh guru - Murid-murid memberi kerjasama	<u>Kaedah:</u> - Demonstrasi <u>Bahan Bantu</u> <u>Mengajar:</u> - Projektor - Poster <u>Penerapan Nilai:</u> - Menumpukan perhatian - Keberanian
Langkah 3 (15 minit)	Aktiviti “Cari dan Padan”	- Guru mengagihkan murid-murid kepada beberapa buah kumpulan - Dua dari ahli kumpulan dikehendaki untuk mencari isi-isi yang penting mengenai amalan sunat sebelum dan selepas solat sunat dua hari raya di dalam kotak yang disediakan - Ahli kumpulan yang lain dikehendaki untuk memadankan isi yan didapati pada tempat yang betul di atas kad manila yang diberikan	<u>Kaedah:</u> - Belajar sambil bermain <u>Bahan Bantu</u> <u>Mengajar:</u> - Kad imbasan - Kad manila <u>E.M.K:</u> - Keusahawanan <u>Penerapan Nilai:</u> - Semangat - Kerjasama - Berusaha

		• Masa diberikan untuk murid berbincang dan menyiapkan tugas yang diberikan • Perbincangan dilakukan bersama-sama	
Penutup (5 minit)	<u>Penutup Kognitif:</u> <u>Penutup Sosial:</u>	• Guru meminta wakil seorang murid lelaki dan seorang murid perempuan untuk merumuskan isi pembelajaran • Guru menggalakkan murid-murid untuk mengingat setiap apa yang dipelajari serta menghayati dan mengamalkan dengan sempurna dalam kehidupan	<u>Penerapan Niali:</u> - Berusaha

Refleksi:

Ulasan Guru Pembimbing:

Ulasan Pensyarah Penyelia:
